



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

**TEKS UCAPAN
YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA TPr ANNUAR HAJI MUSA
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**MAJLIS PELANCARAN LOGO DAN TEMA
HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2022
(HKHM 2022)**

**1 JULAI 2022 (JUMAAT)
9.00 PAGI
AUDITORIUM PERDANA
ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR**

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Sambutan Hari Kebangsaan
dan Hari Malaysia 2022,

Ketua-Ketua Setiausaha,

Ketua-Ketua Jabatan dan agensi,

Rakan-rakan media,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Logo dan Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022.
2. Terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa pelaksana yang telah menjayakan majlis pada hari ini. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau K-KOMM sebagaimana lazim berperanan sebagai Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022. Jawatankuasa ini telah melaksanakan gerak kerja bagi melancarkan sambutan Bulan Kebangsaan yang akan diraikan di seluruh negara pada bulan Ogos hingga September nanti.
3. Pada tahun 2020 dan 2021 Kerajaan mengekalkan tema Malaysia Prihatin berikutan negara pada ketika itu masih dibelenggu pandemik COVID-19 yang membimbangkan. Maka adalah wajar pada tahun ini kita memperkenalkan tema baharu yang merangkumi elemen kekuatan dan kebersamaan kita sebagai Keluarga Malaysia.

4. Dua tahun kita merayakan Bulan Kebangsaan dalam suasana pandemik COVID-19, kita mengetengahkan konsep Malaysia Prihatin sebagai tema dalam kedua-dua sambutan tersebut. Pada tahun ini Alhamdulillah Keluarga Malaysia telah berjaya mencapai fasa peralihan ke endemik. Ini bermakna atas keprihatinan kita menjaga antara satu sama lain, kita beroleh kejayaan yang lebih baik dan terus teguh sebagai sebuah keluarga.

RASIONAL LOGO DAN TEMA 'KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA'

5. Pemilihan logo pada tahun ini berkonsepkan pembangunan negara dalam aspek infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat. Pemilihan tiga jalur warna merupakan cerminan Keluarga Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang yang mempunyai jati diri dan semangat patriotik serta hidup dalam keadaan yang harmoni. Logo ini juga menterjemahkan keterbukaan rakyat Malaysia dalam meraikan perbezaan dan kepelbagaian demi kemajuan bersama.

6. Manakala, pemilihan tema KELUARGA MALAYSIA TEGUH BERSAMA adalah selari dengan konsep keharmonian Keluarga Malaysia yang mendukung maksud kekuatan dan kesepaduan yang dicapai secara kolektif serta mampan.
7. Justeru, tema pada tahun ini harus dihayati dengan penuh makna. Keluarga Malaysia Teguh Bersama harus lahir daripada jiwa dan perasaan cinta kepada negara, rasa sayang kepada ahli-ahli dalam keluarga besar Malaysia.
8. Ia bukan sekadar tema, tetapi bagaimana kita sebagai rakyat Malaysia meraikan Bulan Kebangsaan seterusnya menzahirkan semangat Keluarga Malaysia, iaitu semangat Teguh Bersama yang harus bermula di peringkat akar umbi. Ia harus diraikan dalam kalangan komuniti dan keluarga itu sendiri.
9. Segala bentuk aktiviti, program dan apa jua cara kita merayakan Bulan Kebangsaan ini daripada sekecil-kecil perbuatan mengibarkan Jalur Gemilang, kepada mengadakan program atau aktiviti dalam skala yang besar harus diterajui/ dicetuskan inisiatif itu daripada rakyat/ komuniti.

PENGGUNAAN LOGO DAN TEMA

10. Penggunaan logo dan tema sambutan Bulan Kebangsaan dalam pelbagai medium terutamanya media elektronik, media cetak dan media sosial akan membantu dalam usaha mempromosi dan menyebarkan erti sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022, seterusnya akan menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan Keluarga Malaysia.

11. Saya ingin menyeru kepada semua pihak untuk menggunakan, memaparkan dan mencetak logo dan tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ini sebagai tanda cinta kita pada negara yang menantikan detik bagi meraikan perayaan Bulan Kebangsaan tahun ini.

12. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua pihak Kementerian, Jabatan dan agensi dan rakan-rakan strategik khususnya sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agar turut bersama-sama dan tidak ketinggalan untuk menzahirkan kecintaan kepada negara melalui penganjuran program-program sempena Bulan Kebangsaan di peringkat organisasi dan komuniti masing-masing.

13. Melalui tanggungjawab ini, menjadi cerminan usaha dan peranan kita yang signifikan dalam menyemarakkan lagi sambutan Bulan Kebangsaan.

KIBARKAN JALUR GEMILANG

14. Apakah ertinya sambutan Bulan Kebangsaan tanpa kibaran Jalur Gemilang. Sebagai rakyat di bumi bertuah ini, semestinya kita berasa bangga untuk mengibarkan bendera negara kita. Tidak kira di rumah, premis perniagaan, bangunan pejabat malah pada kenderaan awam dan persendirian.
15. Menzahirkan semangat patriotisme dengan mengibarkan Jalur Gemilang tidak seharusnya dilakukan pada bulan tertentu sahaja. Malahan, sewajarnya kebanggaan menjadi warganegara di negara bertuah ini, dizahirkan melalui kibaran Jalur Gemilang yang megah sepanjang tahun sebagai rakyat Malaysia. Tidak kira sama ada kita berada di Malaysia, mahupun di luar negara. Jalur Gemilang tetap menjadi simbol semangat cinta kita terhadap negara, selain daripada lagu Negaraku yang sering dinyanyikan dan ikrar Rukun Negara yang kita lafazkan.

16. Justeru, marilah kita bersama-sama menggelorakan sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang. Semarakkan semangat kita dengan melakukan tanggungjawab ini agar kemeriahan sambutan sepanjang Bulan Kebangsaan dapat dirasai.

KEMBARA KELUARGA MALAYSIA 2022

17. Saya juga mengambil peluang ini untuk berkongsi antara program menarik yang sedang diatur bagi menyemarakkan sambutan pada tahun ini iaitu program Kembara Keluarga Malaysia 2022 (KKM 2022).
18. Program ini berkonsepkan '*pass the baton*' akan bermula pada 30 Julai 2022 di Putrajaya, iaitu semasa Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 dengan membawa Baton Jalur Gemilang ke seluruh negara dan diserahkan di setiap sempadan negeri.

19. Acara pelepasan Kembara Keluarga Malaysia 2022 dijadual akan dilakukan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob (30 Julai 2022) dan kembara ini akan berakhir pada 31 Ogos 2022 (Sambutan Hari Kebangsaan 2022) di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur yang akan menjadi lokasi Sambutan Hari Kebangsaan 2022.
20. Simbolik KKM 2022 adalah berbentuk perarakan Baton Jalur Gemilang yang dibawa dan diserahkan di setiap lokasi utama (*checkpoint*) negeri-negeri seluruh Malaysia. Kita ingin seluruh Keluarga Malaysia merasai gelora Bulan Kebangsaan ini. Justeru, konvoi ini akan menjelajah ke seluruh negara melalui perjalanan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.
21. Program ini juga akan melibatkan penyertaan kenderaan daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kelab permotoran dari pelbagai latar belakang. Ini juga merupakan antara peluang untuk menonjolkan keunikan di setiap hentian bagi mengetengahkan keistimewaan Keluarga Malaysia di setiap lokasi daripada segi budaya, makanan, tarikan setempat selain gaya hidup komuniti tersebut.

PROGRAM BERJALAN TEGUH BERSAMA KELUARGA MALAYSIA

22. Selain KKM 2022, terdapat satu lagi program yang dianjurkan sempena Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada 30 Julai 2022 bertempat di Dataran Putra, Putrajaya iaitu Program Berjalan Teguh Bersama Keluarga Malaysia yang bakal menghimpunkan anggaran penyertaan 10,000 orang Keluarga Malaysia.

23. Program berkonsepkan aktiviti berjalan beramai-ramai secara santai bersama keluarga sebagai salah satu inisiatif bagi mendukung aspirasi Keluarga Malaysia. Program berjalan beramai-ramai ini membawa mesej kepada semangat perpaduan dan kebersamaan rakyat Malaysia. Sepanjang program berlangsung pelbagai aktiviti menarik yang berunsurkan kekeluargaan turut diadakan.

24. Tanah air ini adalah milik kita semua, milik Keluarga Malaysia. Bertepatan dengan teras Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran yang kita dukung, saya mengajak seluruh Keluarga Malaysia sama ada yang berada di dalam mahupun luar negara untuk turut meraikan dan menyertai Sambutan Bulan Kebangsaan 2022 sepanjang Julai hingga September ini.

25. Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 dengan ini melancarkan logo dan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.